

Tiada pilihan raya selagi pengundi hantu tidak dibersihkan

UM 2 DEC 2002

JOHOR BAHRU 1 Dis. — Kerajaan tidak akan mengadakan pilihan raya selagi senarai daftar pemilih tidak dibersihkan daripada pengundi hantu, kata Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, perkara itu ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan senarai itu benar-benar bersih supaya proses demokrasi di negara ini berjalan dengan baik.

"Kita serahkan perkara ini (bersihkan senarai daftar pemilih) kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai sebuah badan bebas untuk pastikan amalan demokrasi berjalan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis taklimat mengenai pendaftaran pemilih anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor di sini hari ini.

Katanya, masalah yang berlaku sekarang bukan salah SPR, tetapi akibat daripada sistem terdahulu yang mudah dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu.

Pembersihan itu, katanya, bagi mengelakkan kegiatan memindah pengundi yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dengan tujuan untuk menang dalam pilihan raya.

Sementara itu dalam ucapan-

nya Najib memberitahu, di seluruh negara terdapat 2.8 juta pengundi yang mengundi tanpa mengikut alamat dalam kad pengenalan.

Kumpulan itu, katanya, sama ada tidak mengemaskini alamat terbaru mereka dengan SPR atau terdiri daripada pengundi-pengundi hantu yang dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain.

Oleh itu, katanya, adalah menjadi tanggungjawab SPR untuk kenal pasti pengundi-pengundi tersebut.

"Kita mahukan demokrasi di Malaysia berjalan dengan bersih dan baik dan percaya SPR sebagai sebuah badan bebas dapat melakukannya," kata beliau.

Menurut Najib, beliau rela jika tewas dalam keadaan di mana proses demokrasi berjalan mengikut landasan yang sebenarnya.

Sementara itu beliau yang juga Pengerusi Biro Keahlian dan Pendaftaran Pemilih UMNO turut mengingatkan pemimpin-pemimpin UMNO supaya memastikan setiap ahli mendaftar sebagai pemilih.

Katanya, ini kerana daftar pemilih merupakan nadi politik UMNO yang akan menentukan kalah menang dalam pilihan raya.